



**MESYUARAT AGUNG 2021
PERSATUAN PENDUDUK RINI HILLS 2
MINIT MESYUARAT**

Tarikh : 20/11/2021
 Masa : 8:30 malam
 Tempat : Mesyuarat Atas Talian Melalui Aplikasi Webex Meetings
 Kehadiran : Ahli-Ahli & AJK, Persatuan Penduduk Rini Hills 2, Skudai

Senarai AJK Berdaftar:

No	Nama	Jawatan	Kehadiran
1	Dr. Syihan bin Khalid	Pengerusi	/
2	Leong Man Soon	Timbalan Pengerusi	X
3	Oh Guan Teck	Bendahari	/
4	Omar bin Jusoh	Setiausaha	/
5	Dr. Zair Asrar bin Ahmad	Pen. Setiausaha	/
6	Mohamad Zaki bin Mohamad Roslani	Pen. Bendahari	/
7	Mohd Hisham bin Mohd Noor	AJK	/
8	Zahidi Yusof	AJK	/
9	Mustafa bin Muhamad	AJK	/
10	Chin Terk Chin	AJK	X

Senarai AJK Kecil:

No	Nama	Bidang	Kehadiran
1	Mohd Tarmidi bin Samat	Koordinasi Sistem Kawalan Keselamatan	X
2	Ahmad Faizal bin Hashim	ICT	/
3	Kent Wong She Kin	Perpaduan (Cina)	/
4	Bavanei a/p Palanyveloo	Perpaduan (India)	/
5	Goh Lee Lian	Hal-ehwal Wanita	/
6	Mohd Nazib bin Masri	Keceriaan & Kejiranan	/
7	-	Perpaduan & Agama (Melayu)	

Kehadiran Atas Talian Ahli-Ahli melalui Aplikasi Webex:

1	Jalan Jasa 29	14 Ahli
2	Jalan Jasa 30	12 Ahli
3	Jalan Jasa 31	14 Ahli
4	Jalan Jasa 32	8 Ahli
5	Jalan Jasa 33	5 Ahli
6	Jalan Jasa 34	14 Ahli
7	Jalan Jasa 35	12 Ahli
Jumlah Keseluruhan		92 Ahli

Wakil Vendor Kawalan Keselamatan:


1	Security Officer	Alpha Multi Force Sdn Bhd
---	------------------	---------------------------

Bil	Butiran Mesyuarat	Tindakan/ Makluman
1.	<p>Ucapan Aluan Pengerusi Persatuan Penduduk Rini Hills 2 (PPRH2)</p> <p>1.1 Pengerusi PPRH2, Dr Mohd Syihan Khalid mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua ahli yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penduduk Rini Hills 2 (PPRH2) bagi tahun 2021 (AGM2021). Disebabkan oleh Pandemik Covid-19, AGM2021 adalah AGM kali ke-2 dibuat atas talian menggunakan aplikasi Webex Meetings.</p> <p>1.2 Seperti AGM2020, setiap ahli yang hadir pada AGM2021 akan diberikan Kupon KFC bernilai RM30 setiap satu.</p> <p>1.3 Pengerusi mencadangkan minit AGM2020 diteliti dan disahkan sekiranya tiada apa-apa perubahan. Dr Norminshah, Jasa 33 menyokong minit AGM2020 disahkan tanpa perubahan.</p> <p>1.4 Agenda AGM2021 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembentangan Penyata Kewangan Persatuan bagi Tahun 2020. ii. Pembubaran barisan AJK 2019-2021 dan Pemilihan AJK 2021-2023. iii. Pembentangan Usul-usul. iv. Perkara berbangkit. v. Penangguhan Mesyuarat 	<p>Aluan</p> <p>Semua</p> <p>Semua</p> <p>Makluman</p>
2.	<p>Pembentangan Penyata Kewangan Tahun 2020.</p> <p>2.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Penyata Kewangan PPRH2 2020 telah disediakan oleh Penolong Bendahari, En Zaki bin Roslani dan diaudit oleh dua (2) orang Juruaudit Dalaman yang dilantik:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. En Sazali bin Sabtu 2. Mohd Nizar bin Mustafa <p>2.2 En Zaki Roslani telah membentangi penyata kewangan PPRH2 bagi Tahun 2020 sebagaimana yang telah dipaparkan diskrim kepada ahli-ahli. Penyata kewangan ini telahpun disahkan oleh Bendahari, Mr Oh Guan Tek.</p> <p>2.3 Mr Lian Wai Yen, Jasa 33 bertanyakan hal <i>depreciation of fixed asset</i>. Penolong Bendahari menerangkan ianya adalah <i>standard accounting methodology</i> yang dibuat dalam kesemua laporan kewangan tahunan (<i>yearly financial report</i>) bagi setiap pertubuhan yang mempunyai aset tetap.</p> <p>2.4 En Ramli Ahmad, Jasa 31, telah mendapati Penyata Kewangan 2020 yang dibentangi dalam keadaan baik dan tersusun. Beliau mencadangkan agar Penyata Kewangan tersebut disahkan. Cadangan ini disokong Dr Kherun Nita, Jasa 30.</p>	<p>Semua</p> <p>Makluman</p> <p>Semua</p> <p>Semua</p>
3	<p>Pembubaran Ahli Jawatankuasa (AJK) Penggal 2019-2021 dan Perlantikan AJK Penggal 2021-2023.</p> <p>3.1 Bagi memenuhi Perkara 1- Fasal 8 Jawatankuasa, Pengerusi telah membubarkan AJK 2019-2021. Bagi memudahkan urusan pengundian, ahli-ahli bersetuju melantik Dr Syihan sebagai Pengerusi Sementara.</p> <p>3.2 En Ramli Ahmad, Jasa 31, mencadangkan Pengerusi dan kesemua AJK 2019-2021 dikekalkan sekali lagi bagi penggal 2021-2023. Mr Tanabalan, Jasa 34 menyokong cadangan tersebut.</p> <p>3.3 Pengerusi menerangkan jumlah AJK yang didaftarkan dalam Registry of Society (ROS) adalah 10 orang, namun Persatuan sebulat</p>	<p>Semua</p> <p>Semua</p> <p>AJK</p>

	<p>suara menambah 7 orang AJK Kecil (<i>sub committee</i>) yang menjadikan jumlah 17 orang AJK kesemuanya. Ini bagi melancarkan perjalanan pentadbiran Persatuan, yang dibuat secara sukarela. Kesemua AJK ini mempunyai hak mengundi yang sama rata dalam Mesyuarat AJK yang diadakan sebanyak 4 kali setahun.</p>	
4.	<p>Usul Terhadap Pengurangan Bayaran <i>Maintenance Fee</i> Bulanan.</p> <p>4.1 En Mohd Nasir Mohamed, Jasa 35, mencadangkan pengurangan bayaran <i>maintenance fee</i> untuk dipertimbangkan. AJK amat perihatin dengan cadangan ini, namun berdasarkan maklum-balas residen, sebahagian besar merasakan bayaran RM80 sebulan adalah berpatutan bagi menampung kos tetap bagi perkhidmatan pengawal 24 jam, kontraktor pembersihan, bil utiliti, dan lain-lain kos luar jangka setiap bulan.</p> <p>4.2 Bagi memberi manafaat kepada kesemua ahli dalam situasi pandemik sekarang, AGM 2021 bersetuju sebulat suara bagi memberi <u>pegecualian bayaran DUA (2) bulan</u> bagi semua ahli. Pegecualian bayaran ini akan dibuat bagi bulan <u>Nov & Dis 2022</u>. Makluman lanjut akan diberikan melalui Ketua-ketua Lorong kemudian.</p> <p>4.3 Pengerusi juga mencadangkan agar kadar bayaran <i>maintenance fee</i> bulanan ditetapkan di antara RM70-RM100, bergantung kepada persetujuan ahli-ahli dalam AGM dan keperluan kewangan semasa Persatuan. Ahli-ahli mesyuarat bersetuju agar perkara ini dinilai dari semasa ke semasa bergantung keadaan kewangan Persatuan. Pindaan kepada perlembagaan di dalam eROS akan dibuat dalam masa 60 hari dari AGM 2021.</p>	<p>Semua</p> <p>AJK/Semua</p> <p>AJK/Semua</p>
5.	<p>Usul-Usul Terhadap Hal-Hal Keindahan, Keselamatan dan Kejiranan Rini Hills 2</p> <p>5.1 Mr Ding Lee Hin, Jasa 29, mencadangkan agar Persatuan dapat mencari jalan bagi mengatasi masalah air bertakung di hadapan Pondok Pengawal. Pengerusi menerangkan hal itu adalah dalam bidang Jabatan Kejuruteraan MBIP. Walau bagaimanapun, Persatuan akan berusaha untuk dapatkan tindakan lanjut dari MBIP.</p> <p>5.2 En Zaki Roslani, Jasa 32, mengutarakan agar kerosakan terhadap permainan kanak-kanak (<i>children playground</i>) diperbaiki segera. Pengerusi memaklumkan bahawa kawasan permainan kanak-kanak tersebut masih dalam tanggungan pihak Pemaju, kerana masih belum diserahkan secara rasmi kepada MBIP untuk diselenggara. Persatuan sentiasa berhubung dengan MBIP bagi mengatasi masalah ini.</p> <p>5.3 En Ramli Ahmad, Jasa 31, mengutarakan hal Pondok Pengawal, di mana beliau dapati keadaannya sebagai tempat tumpuan utama sebelum masuk ke Rini Hills 2 agak kurang terjaga. Pengerusi memaklumkan, disamping akan membuat penambah-baikkan secara menyeluruh ke atas sistem kad akses sediaada, Pondok Pengawal juga akan dibuat penambah-baikkan dalam masa terdekat. Bagi sistem kad akses, <i>midle range card reader</i> yang kita gunakan sekarang akan diganti sepenuhnya dengan sistem baru, <i>long range card reader</i>. Kerja-kerja berkaitan sedang giat dijalankan di Pondok Pengawal. Sistem baru dijangka akan digunakan sepenuhnya pada Mac 2022.</p> <p>5.4 Pn Siti Hawa, Jasa 29, memaklumkan <i>delivery riders</i> kerap memberikan alamat tempat penghantaran yang salah. Pengerusi memaklumkan bahawa Vendor kawalan keselamatan sentiasa</p>	<p>AJK/Semua</p> <p>AJK/Semua</p> <p>AJK/ Semua</p> <p>AJK</p>


	patuh dengan SOP yang ditetapkan. Pengawal Keselamatan berkuasa untuk tidak membenarkan masuk kepada sebarang pelawat yang gagal memberi alamat yang betul/gagal disahkan.	
6	<p>Perkara-Perkara Berbangkit</p> <p>6.1 Pn Nurul Nadiah, Jasa 31, bertanyakan cara untuk mendaftar dengan aplikasi Jaaga Apps. Pengerusi meminta beliau berhubung dengan Ketua Lorong yang berkenaan untuk urusan selanjutnya.</p> <p>6.2 En Mohd Rosly, Jasa 35 mengutarakan hal berkaitan pembinaan bonggol jalan (<i>road hump</i>) bagi mengurangkan kelajuan kenderaan yang masuk ke Rini Hills 2. Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini telah banyak kali diusulkan kepada AJK dalam AGM yang lalu. Perkara ini adalah dalam tindakan MBIP dengan syarat-syarat dan spesifikasi tertentu.</p> <p>6.3 Pengerusi mengutarakan semula cadangan yang telah dipersetujui dalam AGM2020 lalu, di mana <u>AGM PPRH2 akan diadakan setiap DUA (2) tahun sekali, berbanding setiap tahun seperti sekarang.</u> Disebabkan perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Persatuan, bagi mengubahnya perlu mendapat sokongan majoriti ahli dan mendapat kebenaran bertulis Registry of Society (ROS). Undian telah dibuat dalam AGM2020 yang lalu, dimana:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersetuju: <u>53 orang</u> ii. Tidak Bersetuju: <u>31 orang</u> <p>6.4 Setelah diberikan penerangan tentang kelebihan AGM dwi-tahunan oleh Pengerusi, <u>usul di atas telah disokong sebulat suara oleh ahli-ahli Mesyuarat.</u> Pindaan Perlembagaan akan dibuat bersekali dengan perkara 4.3 di atas.</p>	<p>AJK/Semua</p> <p>AJK</p> <p>AJK</p> <p>AJK/Semua</p>
7	<p>Penangguhan mesyuarat</p> <p>Pengerusi mencadangkan agar AGM2021 ditangguhkan dan disokong sebulat suara oleh ahli-ahli mesyuarat. AGM2021 ditangguhkan pada pukul 11:00 malam. AGM seterusnya dimaklumkan kemudian tertakluk kepada kelulusan pindaan Perlembagaan yang akan dibuat.</p>	Semua

Disediakan oleh:



(OMAR BIN JUSOH)
 Setiausaha
 Persatuan Penduduk Rini Hills 2

Disahkan oleh:



(DR MOHD SYIHAN BIN KHALID)
 Pengerusi
 Persatuan Penduduk Rini Hills 2